

29 NOV 2000  
Lunas-Keputusan  
KEADILAN MENANG DI LUNAS

KULIM, 29 Nov (Bernama) -- Calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Saifuddin Nasution Ismail memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah kawasan Lunas pada pilihan raya kecil hari ini dengan kelebihan undi sebanyak 530.

Keputusan itu diumumkan oleh Pegawai Pengurus pilihan raya kecil itu, Osman Salleh di pusat penjumlahan undi di Dewan Serbaguna Kelang Lama di sini pada kira-kira pukul 9 malam ini.

Saifuddin, 36, memperolehi 10,511 undi manakala calon Barisan Nasional (BN) S.Anthonysamy, 59, mendapat 9,981 undi. Seorang lagi calon, N.Letchumanan (Bebas), 46, hanya mendapat 50 undi dan hilang wang pertaruhan.

Undi rosak adalah sebanyak 204. Daripada 26,746 pengundi kali ini, seramai 2,265 orang adalah pengundi baru.

Sebanyak 77.58 peratus daripada 26,746 pengundi berdaftar telah keluar mengundi pada pilihan raya kecil itu.

Dengan kemenangan Keadilan, BN yang kini mempunyai 23 kerusi daripada 36 kerusi di DUN Kedah, kehilangan majoriti dua pertiganya. PAS pula memegang 12 kerusi.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya dari BN, Dr Joe Fernandez yang ditembak di Bukit Mertajam pada 4 Nov lepas.

Dr Fernandez memenangi kerusi DUN Lunas pada pilihan raya umum 1999 dengan majoriti 4,700 undi.

Dr Fernandez mendapat 9,760 undi manakala calon DAP, M.Kathiravelo memperolehi 5,060 undi. Dua lagi calon iaitu Letchumanan (Bebas) yang turut bertanding pada pilihan raya kecil itu mendapat 87 undi manakala Ibrahim Md. Rashdi (Bebas) memperolehi 2,158 undi.

Jumlah yang mengundi pula ialah sebanyak 17,750 orang dan undi rosak ialah sebanyak 685.

Kemenangan Saifuddin disambut dengan sorakan penyokong pembangkang yang berkumpul di dewan itu selepas berbuka puasa. Para penyokong pembangkang terus menjulang Saifuddin selepas pengumuman itu.

-- BERNAMA  
JM ES ES PR

29 NOV 2000  
Lunas-Keputusan  
Mahathir-Tentera  
TENTERA, POLIS JANGAN TERLIBAT POLITIK KEPARTIAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anggota tentera dan polis supaya mengekalkan profesionalisme dalam menjalankan tugas dan mengelakkan diri daripada terlibat dalam politik kepartian.

Beliau berkata, perkara itu amat penting untuk menjamin keamanan dan kemajuan negara yang berterusan.

"Kalau mereka terlibat dalam politik, tentu akan berlaku pecah belah. Mereka tidak dapat menjalankan tugas secara profesional kerana terpengaruh kepada fahaman politik," katanya sewaktu berucap pada perjumpaan dengan 450 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Majlis itu yang turut dihadiri Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak disusuli dengan sesi dialog secara tertutup.

Dr Mahathir berkata beliau memberi peringatan itu kerana sejak kebelakangan ini ada usaha oleh pembangkang untuk melibatkan tentera dan polis serta anggota perkhidmatan awam untuk terlibat dalam politik dengan menanam semangat benci terhadap kerajaan.

Perdana Menteri berkata, selain menanam perasaan benci terhadap kerajaan, parti pembangkang yang berusaha untuk merebut kuasa turut membuat pelbagai dakwaan seperti kononnya nak mendirikan sebuah negara Islam di Malaysia, yang pada hakikatnya memang merupakan sebuah negara Islam.

Pihak pembangkang juga mendakwa Malaysia bukan negara Islam kerana kononnya tidak melaksanakan hukum hudud tetapi mereka harus sedar bahawa negara-negara Islam lain di dunia ini juga tidak melaksanakan hukum hudud.

"Kalau kita berkhidmat dengan kerajaan yang kita benci, kita tidak dapat menjalankan tugas dengan baik, negara tak dapat dibangun dan dimajukan," katanya.

Kerajaan sendiri katanya, tidak pernah mengambil kesempatan untuk melibatkan tentera dan polis dengan politik kepartian, walaupun ia mempunyai peluang yang lebih baik untuk berbuat demikian kerana sedar bahawa tindakan itu akan hanya merosakkan jentera pentadbiran kerajaan.

"Pentadbiran awam, tentera dan polis harus sentiasa berpegang kepada pendirian mematuhi segala dasar dan arahan kerajaan semasa.

"Kalau berlaku sesuatu ancaman, kerajaan yakin penuh dapat mengarahkan pegawai pentadbiran, tentera dan polis untuk mengatasi segala ancaman," katanya.

Dr Mahathir menegaskan bahawa keamanan dan ketenteraman yang wujud hasil perkhidmatan awam, tentera dan polis yang profesional merupakan antara sebab Malaysia dapat membangun dengan pesat sejak negara mencapai kemerdekaan.

Negara-negara lain yang merdeka selepas Perang Dunia Kedua tidak dapat mencapai kemajuan seperti Malaysia kerana menghadapi pelbagai masalah seperti politik, ekonomi, rusuhan dan peperangan sehingga kadang-kadang membawa kepada keruntuhan negara.

Perdana Menteri yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada perjumpaan itu kemudian berbuka puasa bersama warga ATM di masjid Khalid Ibn Al-Walid, di Kementerian Pertahanan.

Ini majlis berbuka puasa yang pertama di hadiri oleh Dr Mahathir sejak umat Islam mula berpuasa Isnin lepas.

Mereka turut menunaikan solat Magrib, Isya dan solat sunat tarawikh di masjid yang sama sebelum pulang.

-- BERNAMA

AFY PR